

# Uganda mengadakan insentif pelaburan

UM 17 MAY 2001

**KUALA LUMPUR 16 Mei** – Uganda akan menandatangani perjanjian insentif pelaburan dengan Malaysia pada Ogos ini dalam usaha menarik lebih ramai pelabur ke negara itu.

Menteri Perdagangan Industri Negara dan Pelancongan Uganda, Abel Rwendire berkata perjanjian itu ditandatangani sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke negara itu untuk menghadiri Persidangan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan pada 17 Mei hingga 21 Ogos.

“Sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pelaksanaan insentif secara terperinci telah ditubuhkan dan melaluinya ia akan meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas seminar peluang pelaburan Uganda di sini hari ini.

Rwendire merupakan ketua misi Uganda di Malaysia untuk mempromosikan peluang pelaburan di negara itu akan juga mengadakan seminar yang sama di Pulau Pinang pada Jumaat ini.

Tambah beliau, selain mengadakan insentif pelaburan, kerajaan Uganda juga telah mengadakan dana bagi para pelabur asing yang kekurangan modal untuk meningkatkan projek pelaburannya di negara itu.

Antara sektor yang boleh diceburi oleh para pelabur tempatan ialah percetakan, pendidikan, pusat perubatan dan penyelenggaraan, mesin di hospital.

Sementara itu, menurut kenyataan Malaysian South-South Corporation Bhd (Masscorp), Pusat Perniagaan

Malaysia (U) Ltd. (MBC) di Uganda telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada 1 Mac tahun ini.

Katanya, pusat tersebut akan dijadikan sebagai pemangkin untuk memasarkan dan mempromosikan syarikat Malaysia secara agresif di pasaran Afrika khususnya di Uganda serta menyediakan pusat pameran termasuk menawarkan khidmat perunding, pengiklanan serta pengedaran.

Sehingga kini, MBC telah menjalin rangkaian efektif dengan beberapa pasar raya di negara itu.